



## **PELAKSANAAN CAJ PENGURUSAN BAGI PENDAFTARAN PEMBEKAL BEKALAN DAN PERKHIDMATAN SERTA KONTRAKTOR KERJA BERKUATKUASA 1 APRIL 2015**

### **TUJUAN PENDAFTARAN**

- 1.0 Jabatan Bendahari telah bertanggungjawab dalam menguruskan pendaftaran dan mengemaskini kod bidang dan data pembekal di USIM meliputi pembekal bekalan dan perkhidmatan serta kontraktor kerja dengan menggunakan Sistem Kewangan Al-Maaliyah (AMV1) sedia ada.
- 2.0 Bagi memastikan proses pentadbiran pengurusan data pembekal dapat dilaksanakan dengan lebih kemas dan teratur melalui Sistem Al-Maaliyah V.2.0 (AMV2) yang telah berkuatkuasakan pada 02 Januari 2015, kos pengurusan yang setimpal perlu dicajkan kepada pembekal dan kontraktor sejajar dengan pertambahan volume dan beban tugas kakitangan Jabatan Bendahari dalam menyelenggara sistem pengurusan data pembekal tersebut.
- 3.0 Caj yang dikenakan ini juga tidaklah membebankan berbanding dengan peluang perniagaan yang diberikan oleh USIM dan peluang usahama serta kerjasama yang diperolehi melalui potensi perniagaan jangka panjang yang bakal diperolehi oleh pembekal dan kontraktor yang berdaftar di USIM.
- 4.0 Dengan pelaksanaan sistem baru, proses pendaftaran pembekal dan kontraktor kini dilaksanakan secara atas talian melalui sistem Portal Pembekal AMV2 iaitu <http://amv2.usim.edu.my:8080/vendorLogin.jsp> dan pembekal/kontraktor berkenaan diberikan surat pengesahan pendaftaran sebagai pembekal/kontraktor di USIM mengikut tempoh tamat seperti yang tertera pada sijil pendaftaran Kementerian Kewangan atau sijil pendaftaran CIDB yang mana terdahulu. Selain itu, pembekal juga akan dapat melihat status bayaran daripada Bahagian Bayaran, Jabatan Bendahari bagi setiap pembekalan, perkhidmatan dan kerja yang telah dilaksanakan.
- 5.0 Pembekal dan kontraktor juga akan menerima pelawaan untuk menyertai sebutharga dan tender di USIM secara automatik menerusi Sistem Portal Pembekal mengikut kod bidang yang didaftarkan.
- 6.0 Pembekal dan kontraktor yang berdaftar dengan USIM juga akan diberikan kata laluan untuk mereka melayari dan memperoleh maklumat yang disediakan melalui Sistem Portal Pembekal.
- 7.0 Proses pendaftaran juga adalah lebih cepat dan mudah melalui kaedah atas talian berbanding kaedah tradisional sedia ada iaitu mengisi borang secara manual yang ternyata memakan masa dan karenah birokrasi yang lebih lama.

### **SYARAT DAN CAJ PENDAFTARAN**

- 8.0 Caj yang dikenakan ialah RM 50.00 (sekali caj bagi setiap pendaftaran dan termasuk caj GST) bagi semua pembekal bekalan dan perkhidmatan serta Kontraktor Kerja Kategori Bangunan/Awam/Mekanikal/Elektrik yang berdaftar dengan CIDB bagi Gred G1 hingga G3. Pelaksanaan caj ini hanya berkuatkuasa bagi pembekal baru yang ingin berdaftar dengan USIM mulai 1 April 2015. **(Caj: RM47.20, GST: RM2.80, Jumlah: RM50.00)**
- 9.0 Bagi pembekal sedia ada yang telah berdaftar dengan USIM melalui Sistem AMV1, pembekal berkenaan adalah digalakkan untuk membayar caj berkenaan serta mengemaskini maklumat pendaftaran Kementerian Kewangan / CIDB berpandukan kepada prosedur ditetapkan bagi membolehkan mereka menikmati kemudahan yang disediakan melalui Portal Pembekal.



- 10.0 Pembayaran caj pendaftaran hanya boleh dibuat di Kaunter Bendahari sahaja oleh kakitangan yang diberi kuasa. Bagi pembayaran melalui cek/wang pos/kiriman wang, bayaran hendaklah dibuat atas nama **USIM TIJARAH HOLDINGS SDN BHD**. Semua pembayaran secara ONLINE iaitu melalui perbankan internet dan kad kredit **TIDAK DIBENARKAN** (Arahan ini tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa).
- 11.0 Dokumen **WAJIB** yang diperlukan selepas pendaftaran di Portal Pembekal adalah seperti berikut: (**BAGI PENDAFTARAN PEMBEKAL/KONTRAKTOR SEDIA ADA YANG TELAH BERDAFTAR DI USIM MELALUI SISTEM AMV1**)
  - 11.1.1 Salinan pendaftaran SSM, Kementerian Kewangan / CIDB yang terkini.
  - 11.1.2 Salinan penyata Bank yang terkini bagi tujuan rujukan nombor akaun bank (Disahkan oleh bank)
  - 11.1.3 Salinan Resit Pembayaran Caj Pendaftaran di Kaunter Bendahari
- 12.0 Dokumen yang diperlukan selepas pendaftaran di Portal Pembekal bagi **Pembekal/Kontraktor BARU** adalah seperti berikut:
  - 12.1.1 Profail Syarikat
  - 12.1.2 Salinan sijil Kementerian Kewangan dan pendaftaran GST
  - 12.1.3 Salinan sijil PKK/CIDB
  - 12.1.4 Salinan sijil pendaftaran SSM dan Salinan Borang 49 bagi Syarikat
  - 12.1.5 Surat Pengesahan No. Akaun dari pihak bank / salinan penyata bank (disahkan oleh bank) / salinan muka depan buku akaun bank (disahkan oleh bank)
  - 12.1.6 Salinan Resit Pembayaran Caj Pendaftaran di Kaunter Bendahari
- 13.0 Entiti yang **dikecualikan** dari caj pengurusan di atas adalah seperti berikut:
  - 13.1.1 Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan GLC
  - 13.1.2 Hotel, Resort, Pengusaha Rumah Peningapan
  - 13.1.3 Institusi Pendidikan Awam dan Swasta
  - 13.1.4 NGO, Institusi/Badan Amal, Pertubuhan dan Koperasi
  - 13.1.5 Syarikat penyedia perkhidmatan komunikasi, internet, penyiaran pementungan dan utiliti
  - 13.1.6 Bank dan Institusi Kewangan
  - 13.1.7 Hospital, klinik panel dan pusat perubatan
  - 13.1.8 Pembekal/Kontraktor yang tidak memiliki pendaftaran Kementerian Kewangan/ CIDB
- 14.0 Pembekal / Kontraktor yang tidak memiliki pendaftaran Kementerian Kewangan atau CIDB **TIDAK DIBENARKAN** membuat pendaftaran baru di Portal Pembekal. Sekiranya entiti yang disenaraikan di Perkara 13 di atas ingin menyertai perolehan di USIM serta mendapatkan keistimewaan dan kemudahan dari sistem Portal Pembekal, maka entiti berkenaan dikehendaki membayar caj pengurusan seperti yang ditetapkan serta memiliki pendaftaran Kementerian Kewangan atau CIDB.
- 15.0 Caj bagi kontraktor kerja ialah RM 100.00 (Termasuk caj GST) iaitu bagi Kontraktor Kerja Kategori Bangunan/Awam/Mekanikal/Elektrik yang berdaftar dengan CIDB bagi Gred G4 dan ke atas. (**Caj: RM94.30, GST: RM5.70, Jumlah: RM100.00**)
- 16.0 Caj pendaftaran wajib dibayar bagi setiap pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran bagi yang tamat tempoh. Tarikh tamat tempoh adalah berdasarkan tarikh tamat pada Sijil Pendaftaran SSM/Kementerian Kewangan atau CIDB yang mana terdahulu.
- 17.0 Bagi pembekal yang memiliki kedua-dua pendaftaran SSM/Kementerian Kewangan dan CIDB, maka caj pengurusan adalah berdasarkan Gred CIDB yang didaftarkan.
- 18.0 Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Perolehan USIM di talian 06-7988221/8220